

05/05/2001

Jelani serah tugas kepada Naib Ketua

KOTA KINABALU, Jumaat - Jelani Hamdan yang menyandang jawatan Ketua Bahagian dan Ketua Pemuda Umno Bandau, berkata beliau akan menyerahkan tugas serta tanggungjawab sebagai ketua Pemuda bahagian itu kepada naibnya, Mohd Ishak Awang.

Beliau berkata, ia sebagai usaha pengagihan kuasa serta memudahkannya memberi tumpuan dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab sebagai Ketua Umno Bahagian Bandau.

"Penyerahan tanggungjawab itu turut meliputi tugas menghadiri mesyuarat Pemuda di peringkat negeri serta merangka kegiatan pada peringkat bahagian," katanya di sini, hari ini ketika diminta mengulas nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya ahli Umno berpuas hati dengan satu-satu jawatan yang dipegang tanpa perlu bertanding jawatan lain.

Perdana Menteri berkata, ahli itu perlu memilih mana-mana satu daripada jawatan berkenaan.

Jelani yang juga seorang ahli perniagaan dan peguam syarie, sebelum ini mencatatkan sejarah dalam politik Umno Sabah apabila menumpaskan penyandang Ketua Bahagian Bandau, Datuk Saidi Suari, pada pemilihan bahagian itu Isnin lalu dengan mendapat 210 undi daripada 248 perwakilan.

Sebelum itu, beliau mengekalkan jawatan Ketua Pemuda Bahagian Bandau dengan menang tanpa bertanding.

Jelani berkata, menjadi ketua bahagian dan ketua Pemuda serentak bukan sesuatu yang membebankan sebaliknya menganggap ia sebagai mandat dan memenuhi hasrat sebahagian besar ahli serta perwakilan Umno Bandau yang mahu beliau menyandang kedua-dua jawatan itu.

Beliau berkata, tindakan bertanding kedua-dua jawatan bukan kerana gelojoh dengan kuasa tetapi bermatlamat tertentu iaitu mahu memperkukuh jentera Barisan Nasional (BN) di bahagian itu yang didakwa sebagai tidak berfungsi terutama ketika pilihan raya negeri dan Parlimen pada 1999.

(END)